



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31/01/2018

PM tunggu 'ilham' tarikh sesuai PRU-14

BH - 31/1/2018 G.2

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata beliau masih menunggu 'ilham' untuk mencari tarikh sesuai bagi mengadakan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Najib yang juga Presiden UMNO berkata, perkara itu tidak menjadi masalah selagi tarikh diputuskan sebelum Jun depan atau Parlimen akan terbubar secara automatik pada bulan yang sama.

"Apa yang saya tunggu, saya tidak tahu... saya menunggu cetusan atau apa yang orang Melayu panggil ilham, untuk memikirkan tarikh yang sesuai untuk kami (mengadakan pilihan raya).

"Kita tunggu sama ada Jun atau lebih awal, kita tunggu bagaimana perkembangannya," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Dato Onn, di sini semalam.

Najib ditanya bilakah beliau akan memubarakan Parlimen selepas Perdana Menteri membentangkan keadaan ekonomi semasa yang baik dengan persiapan jentera parti yang lancar untuk berdepan PRU-14.

Dalam pada itu, Najib berpuas hati dengan laporan Jawatankuasa Pengurusan UMNO yang dipengerusikan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan laporan ketiga-tiga sayap Wanita, Pemuda dan Puteri mengenai persiapan jentera parti.

"Tahap kesiapsiagaan UMNO tinggi. Mudah-mudahan akan berterusan hingga Parlimen bubar," katanya.

Najib berkata, mesyuarat MT semalam juga dimaklumkan mengenai suasana ekonomi yang makin baik dengan ringgit mengukuh, kadar pertumbuhan tinggi, peningkatan bursa saham, kadar inflasi rendah dan pengangguran rendah empat peratus.